

Sumbangan swasta bebas cukai

# Kerajaan beri \$1.1j setahun untuk MPM

MAR 1991

Oleh AIRY LIM

KERAJAAN sudah bersetuju untuk memberi peruntukan tahunan \$1.1 juta kepada Majlis Perdagangan Malaysia (MPM) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Bagi tahun ini majlis yang akan ditempatkan dan diuruskan oleh Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Perkhidmatan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) sudah diberikan peruntukan \$1.1 juta untuk membiayai kegiatannya.

Menurut buku "Ke Arah Persyarikatan Malaysia: Satu Gagasan" yang diterbitkan dan diedarkan oleh ISIS kepada semua anggota majlis sempena pelancaran MPM oleh Perdana Menteri di Kuala Lumpur, segala sumbangan sektor swasta terhadap majlis itu akan dikecualikan daripada cukai.

Katanya, selaras dengan semangat persyarikatan Malaysia dan tujuan untuk mendorong kerjasama akrab dan penyertaan daripada sektor swasta, ahli majlis korporat diharap memberi sumbangan kepada majlis itu.

Ketika melancarkan majlis berkenaan, Perdana Menteri yang juga pengerusi MPM berkata kerajaan sudah menyediakan peruntukan tahunan bagi membiayai operasi pusat itu yang bertanggungjawab terhadap penyelidikan, urusetia, perkhidmatan organisasi dan pentadbiran.

Katanya, persediaan sudah dibuat supaya semua sumbangan daripada sektor swasta kepada majlis berkenaan dikecualikan daripada cukai.

Majlis berkenaan disertai oleh 62 anggota termasuk 10 anggota Kabinet, lapan kakitangan kanan perkhidmatan awam dan 44 anggota sektor swasta.

Dalam hubungan itu, anggota sektor swasta dilantik atas nama peribadi masing-masing untuk jangka waktu dua tahun manakala anggota Kabinet dan kakitangan perkhidmatan awam dilantik atas asas *ex-officio*.

## Keperluan

Naib Pengerusi bertaraf Menteri ialah Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Naib Pengerusi lain ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Pengerusi Arab-Malaysian Merchant Bank, Tan Sri Azman Hashim; Pengerusi Petronas, Tan Sri Basir Ismail; Pengerusi Development & Commercial Bank, Tan Sri Geh Ik Cheong; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein; Pengarah Eksekutif Bank Buruh (M) Bhd, Tan Sri Ramon Navaratnam dan Pengerusi ISIS merangkap Pengerusi Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (Mida), Tan Sri Zainal Abidin Sulong.

Antara menteri yang turut dilantik sebagai ahli

majlis ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid; dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Dr Sulaiman Haji Daud yang lain ialah pakar korporat tempatan.

Empat matlamat utama MPM yang sudah dikenal pasti ialah:

- Memungkinkan pengaliran maklumat yang produktif di kalangan pelaku utama Persyarikatan Malaysia;

- Menjadi forum tempat membincangkan persoalan keperluan yang kian meningkat serta sifat kompleks masalah-masalah yang dihasilkan oleh proses pertumbuhan industri;

- Menghapuskan salah faham, meningkatkan rasa saling hormat menghormati dan membantu melahirkan hubungan yang sihat di antara sektor awam dan swasta, dan

- Mendorong kerjasama yang produktif dan keselesaan yang sihat di kalangan tiga pelaku utama dalam usaha mencapai masyarakat yang maju.

Majlis berkenaan akan bersidang tiga kali setahun iaitu empat bulan sekali pada hari Khamis (termasuk waktu makan tengah hari) manakala Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Perkhidmatan mempunyai sekurang-kurangnya 21 kakitangan turut mempunyai sebuah Unit Penyelidikan dianggotai daripada 15 penganalisis dasar.